

**Muhyiddin Minta Syarikat Swasta Bantu Perkembangan Sukan Sekolah Bernama**  
**03 Mei, 2012**

MUAR, 3 Mei (Bernama) -- Kementerian Pelajaran merancang mengadakan kerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan infrastruktur dan kemudahan sukan di sekolah-sekolah dalam usaha menjayakan dasar 1 Murid 1 Sukan.

Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata usaha untuk meningkatkan prasarana sukan di sekolah membabitkan kos yang besar menyebabkan pihaknya merancang menggunakan pendekatan lain bagi membolehkan pihak swasta turut membantu menjayakan usaha berkenaan.

"Kita mohon kerjasama dan sumbangan daripada syarikat swasta untuk tampil membantu kementerian menaja program sukan, peralatan dan bahan sukan untuk sekolah.

"Walaupun sekolah dapat peruntukan, namun mereka perlukan lebih banyak bantuan lain termasuk keperluan sukan dan infrastruktur sukan," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Sumbangan Bola Sepak Berjaya Corporation Bhd-7Eleven-Cosway Bhd di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Junid, di sini hari Khamis. Pada majlis itu, kesemua badan korporat berkenaan menyumbang 15,000 bola sepak bernilai RM1.1 juta untuk diagihkan kepada sekolah seluruh negara menerusi Dasar 1 Murid 1 Sukan.

Menerusi usahasama itu, Muhyiddin berkata kementerian merancang supaya tanah di kawasan sekolah yang belum dimajukan dibangunkan dengan kerjasama pihak swasta dan sebagai pulangan mereka akan membuat kemudahan sukan seperti gelanggang sukan, padang atau dewan.

Selain itu, syarikat akan diberikan ruang oleh kementerian untuk membuat promosi produk mereka di sekolah.

"Kita ada 10,000 sekolah seluruh negara dan ini akan beri kelebihan kepada mereka untuk mempromosikan produk dan dalam masa yang sama bantu kementerian," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata Kabinet telahpun mengarahkan pihak berkuasa termasuk polis dan Peguam Negara supaya mempercepatkan proses siasatan selain mengumpulkan bukti kukuh sebelum pertuduhan dibuat terhadap pihak yang terbabit dalam perhimpunan anjuran badan bukan kerajaan yang mendapat sokongan pembangkang.

"Pengumpulan bukti dan maklumat berkaitan dan soal laporan insiden berkenaan adalah berdasarkan prosedur undang-undang sedia ada," katanya.

Muhyiddin berkata apa yang berlaku di Kuala Lumpur pada 28 April lalu amat mengaibkan negara yang bukan sahaja mengakibatkan kerosakan harta benda malah turut mendatangkan kecederaan pada peserta, polis dan petugas media yang membuat liputan.

Kerajaan, katanya amat memandang serius tentang perkara itu dan akan memastikan mereka yang terlibat tidak terlepas daripada tindakan undang-undang.

Sementara itu, dalam Majlis Sepetang Bersama Timbalan Perdana Menteri Dewan Undangan

Negeri (DUN) Maharani, Muhyiddin mengumumkan peruntukan sebanyak RM2.2 juta bagi tujuan menaik taraf sistem perparitan termasuk infrastruktur lain di DUN berkenaan.

"Bagi kawasan Sungai Balang, sejumlah RM1.005 juta diluluskan dan jumlah itu termasuk pembinaan jambatan, menaik taraf jalan dan sistem perparitan," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663671>